

Buletin Bandar



NEGARAKU

*Bicara
Menteri*
muka 7



PERCUMA 12 - 18 JUN 2017 • 17 - 23 RAMADAN 1438

BIL: 10



JBPM bersiap siaga

● 18 Jun - 2 Julai ● Operasi 24 jam ● Bantuan kecemasan segera

muka 2

11,200
anggota
bertugas Ops
Raya 2017



*Ops Raya menunjukkan
keberkesanan* muka 3



*Malaysia tuan
rumah WUF9* muka 4



*500 petani sekitar
Tanjong Karang
terima bantuan*
muka 6



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Datuk Haji Mohammad Mentek

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KETUA EDITOR

Norhayati Abd. Manaf

Ketua Unit Komunikasi Korporat

PENOLONG KETUA EDITOR

Rosyila Abdul Latif

Pegawai Perhubungan Awam

Siti Mariani Ayob

Pegawai Perhubungan Awam

Nadhilah Shariffuddin

Penolong Pegawai Perhubungan Awam

SIDANG PENGARANG

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
- Jabatan Perumahan Negara
- Jabatan Kerajaan Tempatan
- Jabatan Landskap Negara
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
- Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Bahagian Undang-undang
- Bahagian Dasar dan Inspektorat
- Bahagian Kawangan dan Perolehan
- Bahagian Akaun
- Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
- Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadaai
- Bahagian Kesejahteraan Bandar
- Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Unit Audit Dalam
- Unit KPI
- Unit Integriti

PENERBIT

Unit Komunikasi Korporat



Tan Sri Noh Omar membalas hormat tabik kepada anggota-anggota JBPM yang terlibat dalam Ops Raya 2017. Turut kelihatan, Datuk Wan Mohd. Nor Ibrahim (paling kanan).

11,200 pegawai bomba bersedia

Ops Raya 2017 bermula

SEMPENA musim perayaan Hari Raya Aidilfitri tahun ini, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) melaksanakan Ops Raya 2017 secara bersepadu bersama agensi-agensi lain selama 15 hari, bermula 18 Jun hingga 2 Julai ini.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, Ops Raya 2017 dilancarkan bagi memastikan bantuan kecemasan dapat diberikan dengan segera jika berlaku kemalangan.

Sehubungan itu, jelas beliau, sebanyak 11,200 pegawai dan anggota JBPM iaitu merangkumi 80 peratus daripada jumlah keseluruhan pegawai dan anggota bomba di seluruh negara akan bertugas sepanjang Ops Raya 2017.

“Pegawai dan anggota JBPM akan bertugas selama 24 jam secara bergilir sebagai

persediaan menangani insiden melibatkan kebakaran serta kerja menyelamatkan seperti kemalangan jalan raya dan sebagainya.

“Kesemua 284 Balai Bomba dan Penyelamat di seluruh negara juga akan beroperasi selama 24 jam bagi memastikan bantuan kecemasan dapat diberikan dengan segera khususnya di jalan-jalan persekutuan dan negeri,” katanya ketika berucap dalam Majlis Pelancaran Ops Raya 2017 di Pasar Raya Besar Aeon Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kera-



Datuk Halimah Mohamed Sadique melihat demonstrasi penggunaan alat pemotong hidrolik oleh Tan Sri Noh Omar dengan dibantu oleh seorang anggota bomba.

jaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique serta Ketua Pengarah JBPM, Datuk Wan Mohd. Nor Ibrahim.

Mengulas lanjut, Noh memberitahu, JBPM juga telah mengenal pasti sebanyak 19 lokasi strategik di sepanjang Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dan Lebuhraya Pantai Timur (LPT) untuk menempatkan anggotanya sepanjang Ops Raya itu.

“Sebanyak 15 lokasi telah dikenal pasti di PLUS serta empat lagi di LPT dan JBPM akan menempatkan satu unit Fire Rescue Tender (FRT) dengan kekuatan tujuh pegawai selain satu unit Perkhidmatan Perubatan Kecemasan (EMRS) dengan tiga pegawai di setiap lokasi itu,” ujarnya.

Noh dalam pada itu menasihatkan orang ramai yang ingin pulang ke kampung supaya memastikan suis utama elektrik kediaman dan palam perkakasan elektrik yang tidak digunakan dicabut dari soket.

Katanya, statistik tahun lalu menunjukkan sebanyak 2,005 daripada 49,875 kes yang dilaporkan kepada JBPM adalah berpunca daripada kebakaran berkaitan elektrik.

“Orang ramai juga digalakkan menyediakan alat pemadam api yang bersesuaian di dalam kenderaan sebagai langkah awal keselamatan sekiranya berlaku sebarang kecemasan.

“Saya harap pelaksanaan Ops Raya kali ini dapat mengurangkan jumlah kemalangan dan kebakaran seperti tahun-tahun sebelum ini,” jelasnya.



Tan Sri Noh Omar menyempurnakan pelepasan konvoi unit bermotosikal JBPM sebagai simbolik Pelancaran Ops Raya 2017 di Pasar Raya Besar Aeon Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

Kes kebakaran dan kemalangan berkurangan

Ops Raya menunjukkan keberkesanan

KES kebakaran dan kemalangan mencatatkan penurunan mendadak sejak Ops Raya mula diperkenalkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) pada 2010.

Ketua Pengarahnya, Datuk Wan Mohd. Nor Ibrahim berkata, angka korban akibat kemalangan juga berkurangan daripada 78 orang pada Ops Raya 2015 kepada 28 orang pada Ops Raya 2016.

Menurut beliau, mangsa yang berjaya diselamatkan sepanjang Ops Raya akibat kebakaran dan kemalangan juga meningkat setiap tahun.

"Berdasarkan statistik, jumlah mangsa yang berjaya diselamatkan sepanjang Ops Raya 2016 meningkat kepada 318 orang berbanding 250 orang dalam Ops Raya 2015.

"Peningkatan itu melibatkan mangsa yang diselamatkan dalam kejadian kebakaran, penyelamatan dan kemalangan jalan raya.

"Kejayaan ini hasil daripada tindakan JBPM menempatkan pegawai dan anggotanya di lokasi-lokasi strategik di seluruh negara terutamanya di lebuhraya," katanya ketika berucap dalam Majlis Pelancaran Ops Raya 2017 di Pasar Raya Besar Aeon Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

Selain itu, Wan Mohd. Nor menambah, sebanyak 2,400 kes panggilan kebakaran dicatatkan dalam Ops Raya 2016 berbanding 1,836 kes pada tahun sebelumnya.

Menurut beliau, kes panggilan kemalangan jalan raya pula mencatatkan penurunan iaitu 129 kes

» Jumlah panggilan penyelamatan yang diterima JBPM sepanjang Ops Raya 2016 turut menurun kepada 1,449 kes dalam Ops Raya 2016 berbanding 1,530 kes dalam Ops Raya 2015."

Datuk Wan Mohd. Nor Ibrahim

dalam Ops Raya 2016 berbanding 227 kes dalam Ops Raya 2015.

"Jumlah panggilan penyelamatan yang diterima JBPM sepanjang Ops Raya 2016 turut menurun kepada 1,449 kes dalam Ops Raya 2016 berbanding 1,530 kes dalam Ops Raya 2015," jelasnya.

Wan Mohd. Nor berkata, sepanjang musim perayaan Hari Raya Aidilfitri tahun ini, JBPM turut menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan di kawasan-kawasan tumpuan orang ramai di seluruh negara seperti pusat beli-belah, hotel, restoran dan tempat perhimpunan.

"Ini bagi memastikan tempat-tempat ini selamat dan bebas daripada ancaman bahaya terutamanya kebakaran.

"Contohnya, JBPM Kuala Lumpur telah mewujudkan pos bomba di kawasan Masjid India untuk bersiaga memberi bantuan segera sekiranya berlaku situasi kecemasan," ujarnya.



Jumlah mangsa yang berjaya diselamatkan sepanjang tempoh pelaksanaan Ops Raya meningkat setiap tahun.

STATISTIK OPS RAYA BOMBA

Tahun	2012	2013	2014	2015	2016
Panggilan kebakaran	2,369	2,120	2,806	1,836	2,400
Panggilan penyelamatan	1,238	987	1,106	1,530	1,449
Panggilan kemalangan jalan raya	273	295	227	227	129
Mati (kebakaran)	0	7	5	1	7
Mati (penyelamatan)	7	21	23	21	30
Mati (kemalangan jalan raya)	28	63	30	48	28
Diselamatkan (kebakaran)	0	9	0	9	48
Diselamatkan Penyelamatan)	282	198	98	138	151
Diselamatkan (kemalangan jalan raya)	109	89	37	103	119



Usaha menyelamatkan mangsa dari kenderaan yang terbakar dalam demonstrasi sempena Majlis Pelancaran Ops Raya 2017 di Pasar Raya Besar Aeon Shah Alam, Selangor baru-baru ini.



Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak bersama Tan Sri Noh Omar semasa Majlis Pra-Pelancaran WUF9 di Putrajaya baru-baru ini. Turut kelihatan, Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique serta Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Haji Mohammad bin Mentek.

Persidangan antarabangsa pembangunan bandar *Malaysia tuan rumah WUF9*

MALAYSIA menerusi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan menganjurkan Forum Bandar Sedunia Ke-9 atau World Urban Forum 9 (WUF9) bersama Program Penempatan Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu (UN-Habitat) pada 7 hingga 13 Februari 2018 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

WUF9 merupakan forum teknikal bukan perundangan yang diadakan di bandar-bandar berbeza seluruh dunia pada setiap dua tahun.

Forum ini juga telah menjadi salah satu acara utama di peringkat antarabangsa bagi bertukar-tukar pandangan dan pengalaman mengenai cabaran proses perbandaran.

Menurut Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar, Kuala Lumpur merupakan bandar raya kedua di Asia menganjurkan WUF selepas Nanjing, China pada 2008.

"Forum ini mencerminkan komitmen Malaysia kepada dunia dalam pembangunan bandar yang mampan dan sejahtera di mana profesional daripada setiap sektor perbandaran merangkumi organisasi berasaskan komuniti, institusi penyelidikan dan akademik, profesional, sektor swasta, institusi pembangunan kewangan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di peringkat antarabangsa, nasional dan



Seorang kakitangan KPKT memegang replika WUF9 semasa Majlis Pra-Pelancaran WUF9 di Putrajaya baru-baru ini.

serantau akan berkumpul di sini bagi membincangkan isu perbandaran," katanya.

Mengulas lanjut, Noh berkata, WUF9 adalah forum pertama yang diadakan selepas Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu Tentang Perumahan dan Pembangunan Bandar Lestari (Habitat III) yang dianjurkan pada 2016.

Beliau berkata, forum tersebut meru-

pakan persidangan perundangan global yang dianjurkan setiap 20 tahun untuk mengkaji dan menentukan agenda bandar serta membuka jalan bagi wawasan UN-Habitat ke arah masa depan bandar yang lebih baik.

"Platform pertama WUF9 untuk dibahaskan tentang pelaksanaan dan pencapaian Agenda Baharu Perbandaran atau New Urban Agenda selepas penerimaan-

» Platform pertama WUF9 untuk dibahaskan tentang pelaksanaan dan pencapaian Agenda Baharu Perbandaran atau New Urban Agenda selepas penerimaannya semasa di Habitat III dengan tumpuan kepada pelaksanaannya."

Noh Omar

nya semasa di Habitat III dengan tumpuan kepada pelaksanaannya," jelasnya.

Penganjuran WUF9 bertemakan 'Implementing the New Urban Agenda' ini dijangka menarik seramai 25,000 penyertaan dari 160 negara.

Tujuan utama penganjuran WUF9 adalah untuk menarik sokongan dan meningkatkan kesedaran mengenai pembangunan perbandaran yang mampan serta pengetahuan kolektif ke atas perbandaran yang mampan melalui debat terbuka, pertukaran pengalaman dan amalan terbaik.



Negara-negara tuan rumah WUF

2002

NAIROBI, Kenya

2004

BARCELONA, Sepanyol

2006

VANCOUVER, Kanada

2008

NANJING, China

2010

RIO DE JANEIRO, Brazil

2012

NAPLES, Itali

2014

MEDELLIN, Colombia

2016

NANJING, China

2018

KUALA LUMPUR,
Malaysia



Tan Sri Noh Haji Omar

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

#TanyaMenteriKPKT #Parlimen2017

1 Adakah kerajaan akan memperuntukkan lima peratus kuota untuk ibu tunggal daripada projek-projek perumahan yang dibina di bawah skim-skim Kerajaan Pusat?

Pada masa ini, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak mempunyai dasar khusus atau kuota khas untuk rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) kepada ibu tunggal seperti mana yang diberikan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Untuk OKU kita ada rezab satu peratus daripada rumah PPR. Namun begitu, kementerian sedia mengkaji keperluan ini dan memastikan kebajikan kelompok ini diberikan perhatian sewajarnya.

■ Sidang Dewan Rakyat,
23 Mac 2017

MENTERI JAWAB

2 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sewenang-wenangnya menamakan taman perumahan, projek-projek perumahan, pusat penjagaan dalam bahasa Inggeris. Umpamanya Kerinchi dinamakan semula Bangsar South manakala Abdullah Hukum dikenali sebagai KL Eco City dan sebagainya. Jadi, apakah tiada peraturan atau garis panduan dalam menamakan taman-taman ini? Sebab ia bertentangan dengan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dan kedudukan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.

Memang dibawa oleh wakil Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) supaya nama-nama perumahan ini gunakanlah nama-nama kebangsaan. Walau bagaimanapun, saya hendak tegaskan bahawa kuasa untuk meluluskan nama-nama taman ini adalah kuasa PBT. Kalau kita beri panduan sekalipun tetapi kalau PBT yang meluluskan, kami di KPKT ini tidak ada kuasa. Kita menerima apa juga nama-nama yang diputuskan oleh pihak PBT.

■ Sidang Dewan Rakyat,
23 Mac 2017





Tan Sri Noh Omar menyampaikan bantuan kepada seorang petani di perkarangan Masjid Al Rahman, Sungai Burong di Tanjong Karang, Selangor baru-baru ini.



Tan Sri Noh Omar dalam ucapannya menjelaskan tentang usaha Kerajaan Pusat membela nasib para petani termasuk di Selangor.

500 petani sekitar Tanjong Karang terima bantuan

SERAMAI 500 petani di sekitar kawasan Parlimen Tanjong Karang yang terjejas akibat tanaman mereka diserang penyakit hawar bakteria daun (BLB) tahun lalu menerima bantuan kewangan daripada Kerajaan Pusat.

Bantuan kewangan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM367,953 itu disampaikan sendiri oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan merangkap Ahli Parlimen Tanjong Karang, Tan Sri Noh Omar dalam satu majlis yang diadakan di perkarangan Masjid Al Rahman, Sungai Burong di Tanjong Karang, Selangor baru-baru ini.

Menurut Noh, bantuan itu merupakan kesinambungan daripada siri bantuan yang disalurkan kepada para petani Selangor khususnya di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut di Selangor.

"Bantuan berbentuk wang tunai ini di harap dapat mengurangkan beban petani terbabit lebih-lebih lagi sebagai persiapan mereka menjelang sambutan Aidilfitri tidak lama lagi.

"Hakikatnya, Kerajaan Pusat amat memahami kesusahan dihadapi petani. Bukan mudah untuk urus sawah dengan baik, banyak dugaan yang terpaksa dihadapi seperti penyakit tanaman,

kemarau dan banjir demi mendapatkan pulangan pendapatan untuk menyara hidup.

"Namun, saya cukup kagum dengan semangat kental ditunjukkan para petani yang tidak putus asa. Hinggakan kawasan Barat Laut Selangor ini terkenal sebagai kawasan pengeluaran padi negara," katanya.

Pada masa sama, Noh turut menyatakan, sehingga kini Kerajaan Pusat telah menyalurkan bantuan sebanyak RM4.6 juta kepada petani di kawasan IADA Barat Laut Selangor meliputi Parlimen Tanjong Karang, Sungai Besar dan Sabak Bernam.

» Kerajaan Pusat amat memahami kesusahan dihadapi petani. Bukan mudah untuk urus sawah dengan baik, banyak dugaan yang terpaksa dihadapi.."

Tan Sri Noh Omar



Sebahagian orang ramai yang menghadiri majlis penyerahan bantuan kepada 500 petani sekitar kawasan Parlimen Tanjong Karang yang terjejas akibat tanaman mereka diserang penyakit BLB.

BICARA MENTERI


Berkhidmat untuk rakyat tanpa pilih kasih

PEJAM celik hanya tinggal lebih kurang seminggu sahaja lagi kita dalam bulan Ramadhan sebelum semua umat Islam menyambut Hari Raya Aidilfitri. Alhamdulillah, aktiviti saya bersama rakyat berterusan seperti biasa, bukan sekadar menghadiri jemputan berbuka puasa tetapi juga lawatan turun padang untuk melihat sendiri isu kesejahteraan rakyat dan memberi bantuan kepada mereka.

Sempena bulan puasa ini, saya lebih menumpukan lawatan turun padang ke kawasan sekitar Lembah Klang dan saya amat gembira dapat bertemu rakyat daripada pelbagai kaum serta memberi bantuan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup mereka, terutamanya penduduk bandar yang tinggal di perumahan strata.

Bantuan yang saya luluskan kebanyakannya tertumpu kepada menambah baik dan membaik pulih kemudahan asas di sana seperti lif, bumbung yang bocor, aksesori bangunan seperti besi penghadang di tangga dan juga menambah baik pengurusan sampah selain daripada kelulusan fasiliti untuk rakyat seperti gelanggang futsal dan dewan orang ramai.

Alhamdulillah, bantuan saya sebagai Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah diterima baik oleh penduduk setempat tanpa mengambil kira isu-isu politik yang sememangnya tidak patut dicampuradukkan dengan usaha Kerajaan Persekutuan memberi perkhidmatan kepada rakyat.

Namun, saya juga agak terkilan apabila ada sesetengah pihak yang mengambil kesempatan di atas bantuan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan ini dan membuat tuduhan melulu bahawa saya hanya memberi bantuan kepada rakyat Selangor atas kepentingan politik dan mengabaikan keperluan rakyat di negeri-negeri lain.

Ini adalah tuduhan semberono dan berniat jahat kerana sebagai Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk meningkatkan kesejahteraan penduduk di Malaysia tanpa mengira sempadan demografik mahupun politik.

Sejak dari awal tahun, saya telah melawat negeri-negeri lain dan memberi pelbagai bantuan kepada rakyat bandar.

Sebagai contoh, pada bulan April

yang lepas, saya telah turun ke Perak dan meluluskan bantuan hampir RM2 juta untuk membaiki pasar, membina dewan serba guna serta menaik taraf padang awam di Taiping serta RM500,000 untuk membaik pulih perumahan kos rendah di Cameron Highlands. Manakala di Johor pula saya meluluskan sebanyak RM3 juta untuk program Rakan Taman di Yong Peng serta pembinaan dataran orang ramai di Ayer Hitam.

Selain Perak, saya juga telah turun padang di Pulau Pinang dan meluluskan bantuan untuk membaik pulih perumahan strata kos rendah di sana sebanyak RM1.3 juta. Sebelum ada yang melatah lagi tentang isu bantuan untuk rakyat ini, saya juga turun padang ke Sabah dan Sarawak dan pada lawatan saya yang lepas ke Miri, Sarawak, saya turut meluluskan bantuan peruntukan untuk menambah baik pasar di sana.

Ini hanya sebahagian peruntukan yang telah saya berikan sejak diberi tanggungjawab sebagai Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan insya Allah, saya akan meneruskan lawatan turun padang ke negeri-negeri lain sepanjang tahun ini serta memberi bantuan peruntukan

kepada rakyat yang memerlukan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat di bandar. Saya mohon agar rakyat di negeri-negeri lain bersabar, insya Allah saya akan luangkan masa untuk rakyat yang memerlukan bantuan daripada KPKT.

Sebelum saya mengakhiri bicara pada minggu ini, saya juga ingin sekali gus mengingatkan semua rakyat agar menjaga keselamatan diri dan keluarga menjelang musim perayaan. Ops Raya Bomba 2017 telah bermula dan anggota-anggota bomba saya akan berada di 19 lokasi di sepanjang Lebuhraya PLUS dan juga Lebuhraya Pantai Timur sehingga 2 Julai 2017.


Keselamatan di rumah juga harus dijaga, pastikan soket elektrik dimatikan jika anda pulang beraya dan bila sudah sampai ke kampung masing-masing, jangan pula nakal bermain mercun, terutamanya mercun buatan sendiri. Marilah kita bersama-sama berhari raya dalam suasana kegembiraan tanpa dicemari tangisan kesedihan dan kekesalan.

TAN SRI NOH OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

SENYUM SIKIT

Oleh MARO





Buka Puasa Bersama PM

Datuk Halimah Mohamed Sadique turut hadir ke Program Ihya Rahmat Ramadhan FELDA Peringkat Kebangsaan 2017 bersama Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak di Padang Sekolah Kebangsaan LKTP Sungai Sayong, Kota Tinggi, Johor pada 10 Jun lalu.



Tinjauan Penduduk

Tan Sri Noh Omar (tiga dari kanan) meneliti keadaan longgang dan lantai yang rosak ketika melawat sekitar Rumah Pangsa Pinggiran Batu Caves, Gombak, Selangor pada 10 Jun lalu. Yang turut hadir, Penyelaras BN DUN Gombak Setia, Datuk Megat Zulkarnain Omardin (empat dari kanan).



Sumbangan Madrasah

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique menyampaikan sumbangan Ihya Ramadhan kepada Madrasah Tahfiz Riyadhus Solihin dan Madrasah Tahfiz Al-Jauhar di Kampung Lukut, Mukim Kota Tinggi, Johor pada 11 Jun lalu.



Menghulur Sumbangan

Tan Sri Noh Omar menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim yang menghadiri Majlis Jalinan Mesra Ramadhan 1428H/2017M anjuran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) di Putrajaya pada 8 Jun lalu. Beliau diiringi Datuk Halimah Mohamed Sadique; Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Haji Mohammad bin Mentek dan Ketua Pengarah JBPM, Datuk Wan Mohd. Nor Ibrahim.



Pakaian Raya

Datuk Halimah Mohamed Sadique membawa seramai 100 orang anak-anak yatim dari Persatuan Anak-anak Yatim Bandar Tenggara ke pusat beli-belah Kluang Mall, Johor untuk membeli pakaian raya pada 10 Jun lalu.



Sumbangan Petani

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar menyampaikan Bantuan Bencana BLB kepada Petani Kawasan Parlimen Tanjong Karang di Masjid Ar-Rahman, Sungai Burong, Tanjong Karang, Selangor pada 12 Jun lalu.



Bazar Ramadhan

Tan Sri Noh Omar mengunjungi Bazar Ramadhan Tanjong Karang, Selangor untuk membeli juadah berbuka puasa dan beramah mesra dengan para peniaga serta orang ramai pada 12 Jun lalu.



Bubur Lambuk

Tan Sri Noh Omar mengedarkan bubur lambuk kepada pengunjung Bazar Ramadhan Tanjong Karang, Selangor pada 12 Jun lalu.



Ihya Ramadhan

Majlis Sentuhan Kasih Ihya Ramadhan Bersama Datuk Halimah Mohamed Sadique di Balai Bomba dan Penyelamat Kota Tinggi, Johor pada 12 Jun lalu.

Beza PPW berlesen dan 'ah long'

BAKAL peminjam yang berhasrat menggunakan perkhidmatan syarikat pemberi pinjaman wang (PPW) berlesen diingatkan supaya memahami terlebih dahulu peraturan-peraturan yang ditetapkan mengikut Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Pindaan 2011) atau Akta 400 sebelum melakukan sebarang prosedur peminjaman wang.

Peraturan di bawah Akta 400 telah menggariskan bahawa setiap pinjaman wang di antara peminjam dan PPW hendaklah menggunakan borang perjanjian pinjaman yang telah ditetapkan dengan diisi sepenuhnya butiran pinjaman, aku saksi dan perjanjian itu hendaklah disetemkan sewajarnya dengan setem hasil yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Bakal peminjam juga diingatkan bahawa setiap urusan transaksi pinjaman wang hanya boleh dilakukan di premis PPW yang diluluskan oleh Pendaftar PPW sahaja.

Setiausaha Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai (BPWG), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Ahmad Nizam Norali berkata, adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta 400 sekiranya syarikat PPW berlesen menguruskan transaksi pinjaman wang mereka di luar dari premis yang dilesenkan.

Beliau berkata, kebiasaannya, PPW tidak berlesen atau 'ah long' tidak mempunyai alamat operasi yang tetap bagi mengelakkan daripada dikesan oleh pihak berkuasa dan berbeza dengan PPW berlesen di mana mereka wajib beroperasi dan menjalankan urusan transaksi

pinjaman hanya di dalam premis yang diluluskan sahaja.

"Perkara ini sering berlaku apabila terdapat urusan niaga transaksi pinjaman wang dilakukan selain dari alamat premis yang diluluskan seperti di kedai makan, di dalam kenderaan, di kediaman atau tempat kerja peminjam yang mana ianya jelas melanggar peruntukan akta 400," katanya.

Mengulas lanjut, Ahmad Nizam memberitahu, syarikat PPW berlesen tidak boleh mengedarkan atau menampal iklan promosi pinjaman secara sesuka hati terutama di luar premis.

Beliau berkata, syarikat PPW perlu mendapatkan permit iklan dari KPKT untuk mengedarkan sebarang risalah iklan kepada pengguna.

"Setiap iklan juga hendaklah mengandungi butiran lengkap seperti nama syarikat, alamat operasi, nombor telefon, nombor lesen dan permit iklan serta tarikh sah dan faedah yang ditawarkan.

"Kebiasaannya, iklan-iklan yang dibuat oleh PPW tidak berlesen atau 'ah long' tidak mengandungi butir-butir lengkap. Mereka hanya sekadar meletakkan nombor telefon untuk dihubungi sahaja dan akan menampal iklan mereka di tepi-tepi jalan, perhentian bas, di dinding bangunan malah ada juga yang mengedarkan risalah atau kad nama dari rumah ke rumah," jelasnya.

Ahmad Nizam menjelaskan, KPKT hanya mengeluarkan permit iklan kepada PPW berlesen sahaja dan mereka perlu mendapatkan kelulusan serta permit dari-

pada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi setiap iklan yang hendak ditampal di tempat-tempat awam.

"Masyarakat boleh membezakan antara iklan PPW berlesen dan 'ah long' dengan hanya berpandukan kepada butiran-butiran lengkap yang perlu ada pada iklan atau risalah mereka. Mana-mana iklan atau risalah pinjaman wang yang tidak lengkap adalah dipercayai kepunyaan PPW tidak berlesen atau 'ah long'," jelasnya.

Beliau memberitahu, kadar faedah pinjaman juga telah ditetapkan di bawah Akta 400 apabila bagi pinjaman bercagar, kadar faedah dibenarkan tidak melebihi 12 peratus setahun dan bagi pinjaman tanpa cagar pula tidak boleh melebihi 18 peratus setahun.

"Situasi ini berbeza dengan 'ah long' apabila kadar faedah yang dikenakan biasanya amat tinggi sehingga mencecah 50 peratus sebulan berserta syarat-syarat tambahan yang membebankan peminjam.

"Peminjam yang gagal membayar balik mengikut syarat yang dikenakan akan diancam dan diganggu oleh 'ah long' atau wakil mereka bagi mendapatkan bayaran balik pinjaman serta faedah yang dikenakan," katanya.

Beliau menegaskan, setiap pinjaman yang dilakukan dengan PPW berlesen wajib diberikan suatu salinan perjanjian pinjaman yang mengandungi butiran pinjaman, tempoh serta kadar bayaran balik ansuran bulanan.

"Sekiranya peminjam gagal membayar balik pinjaman, PPW hanya boleh mengambil tindakan sivil ke atas peminjam," tegasnya.



AHMAD NIZAM NORALI



▲ Syarikat peminjam wang berlesen tidak boleh menampalkan iklan promosi pinjaman secara sesuka hati serta perlu mendapatkan permit iklan daripada KPKT.



Iklan pinjaman wang yang ditampal di tempat terbuka kebanyakannya mempromosikan kegiatan 'ah long'.

HAK DAN PERINGATAN KEPADA BAKAL PEMINJAM

- Peminjam hendaklah memahami perjanjian pinjaman terlebih dahulu dan diaku saksi oleh orang-orang yang ditetapkan di bawah Akta 400.
- Setiap pinjaman hendaklah menggunakan borang perjanjian pinjaman yang ditetapkan sahaja iaitu Jadual J (pinjaman tanpa cagar) atau Jadual K (pinjaman bercagar).
- Peminjam adalah berhak diberikan satu salinan perjanjian pinjaman wang secara percuma.
- Peminjam juga hendaklah mendapatkan resit bayaran bagi setiap bayaran balik pinjaman yang dibuat.
- Peminjam turut diingatkan supaya tidak menandatangani borang perjanjian yang tidak diisi atau tidak lengkap sepenuhnya atau lain-lain dokumen kosong.
- Sebarang pembayaran pinjaman wang hendaklah diterima selepas perjanjian diisi penuh, disetemkan dan diserahkan di pejabat PPW yang berkenaan.
- Memastikan kadar faedah bagi pinjaman bercagar adalah tidak melebihi 12 peratus setahun, manakala pinjaman tidak bercagar tidak melebihi 18 peratus setahun.
- Peminjam boleh mendapatkan maklumat butir pinjaman dengan membuat suatu surat dengan disertakan bayaran RM3 dan jika untuk mendapatkan salinan perjanjian pinjaman dengan mengemukakan bayaran sebanyak RM5 daripada PPW.



Bakal peminjam hanya boleh menandatangani dokumen transaksi perjanjian pinjaman hanya di premis syarikat PPW sahaja.

Pendapatan pengusaha kimpalan, Mohamad Zamri Zakaria, 44, meningkat sehingga RM10,000 berbanding RM4,000 yang diperoleh sebelum menyertai program AZAM Beyond.



Peniaga kambing golek, Sharuddin Zaini, 48, meningkatkan pendapatannya sebanyak RM12,000 berbanding RM8,000 sebelum ini.

AZAM Beyond tingkatkan pendapatan peniaga

AZAM Beyond merupakan program berkonsepkan latihan lanjutan yang diperkenalkan di bawah program AZAM Bandar yang menitikkan pembelajaran baharu dalam bidang keusahawanan.

Ia bertujuan memberi bantuan tambahan kepada peserta yang mempunyai potensi untuk mengembangkan perniagaan dan berkeupayaan menjana pendapatan sekurang-kurangnya 50 peratus selepas menyertai program tersebut.

Bantuan kewangan disalurkan berbentuk mikro kredit bersama institusi kewangan atau agensi-agensi yang berkaitan. Skop latihan pula meliputi kursus yang dilaksanakan berdasarkan modul program Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Ia merangkumi aspek mempertingkatkan minda usahawan, kanvas model perniagaan, kaedah pengurusan perniagaan, peluang-peluang perniagaan dan pemasaran. Program ini biasanya memakan masa sekurang-kurangnya 18 jam atau dua hari.

Bagi memberikan nilai tambah kepada peserta AZAM Beyond, program pemasaran dan promosi melalui Program Extension Training for Urban (EXIT4U)



SHARUDDIN ZAINI



SAHANNUWI ISA



MOHAMAD ZAMRI

turut dimasukkan dalam skop Program AZAM Bandar di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11).

Pada tahun ini, sebanyak RM10 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan Program Akhiri Zaman Miskin (IAZAM) di KPKT. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM153,000 telah diperuntukkan bagi pelaksanaan program AZAM Beyond.

Seramai 93 orang peserta telah menyertai Program AZAM Beyond pada tahun 2017. Semua peserta tersebut merupakan peserta AZAM Bandar tahun 2016 yang telah menjana pen-

dapatan sekurang-kurangnya RM300 sebanyak 3 kali dalam tempoh 6 bulan pemantauan.

Sehingga kini, sebanyak dua siri program telah berjaya dilaksanakan yang mana siri 1 telah diadakan di Sweet Beach Resort, Tok Bali, Kelantan pada 14 dan 15 Mei lalu melibatkan seramai 38 orang peserta dari Kelantan dan 28 orang peserta dari Terengganu. Manakala bagi siri 2, program tersebut melibatkan 27 orang peserta dari Johor yang telah dilaksanakan di Hotel Sentral Johor Bahru.

KRITERIA KELAYAKAN PESERTA

Ketua Isi Rumah (KIR) atau Ahli Isi Rumah (AIR) bandar yang

berdaftar dan disahkan

status kemiskinan dalam eKasih.

Peserta telah mengikuti

**Program
AZAM Bandar**

anjaran KPKT pada tahun-tahun sebelumnya.

Peserta hendaklah berumur antara

18 hingga 60 tahun.

Peserta yang

sedang belajar

tidak layak mengikuti program ini.

Peserta Program AZAM Bandar yang telah menjana pendapatan sekurang-kurangnya

**RM300
sebanyak
3 kali.**



Penjual mi celup dan minuman, Sahannuwi Isa, 40, berjaya meningkatkan pendapatannya sehingga RM10,000 selepas menyertai Program AZAM Beyond.

Saluran
Aduan
KPKT

Aduan dalam talian melalui laman web KPKT:
www.kpkt.gov.my

Laman web Menteri Kesyahjataan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
www.nohomar.my

E-mel Menteri Kesyahjataan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
aduanmenteri@kpkt.gov.my

Talian aduan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp): **03-83124040**

Aduan PBT menerusi aplikasi telefon pintar iKepoh:
<http://ikepoh.kpkt.gov.my/>

Facebook **KPKT MALAYSIA**

Instagram **KPKT**

Twitter **@kpkt_gov**

YouTube **KPKT Malaysia**

Portal Talian Indahkan Malaysia (aduan kutipan sampah):
<http://www.aduansisa.my/>

Talian Aduan Kutipan Sampah dan Pembersihan Awam:
1-800-88-7472



LOKASI	GAMBAR	PENERANGAN MASALAH
A		1. Gambar pertama merujuk kepada penutup longkang yang terlalu kecil dan tidak boleh dibuka menyukarkan kerja pembersihan. 2. Gambar kedua penutup longkang di lokasi sama tetapi tidak boleh dibuka longkang. 3. Longkang di lokasi ini tersumbat dengan daun kering dari pasir.
B		1. Bukan terluar kecil untuk kerja pembersihan dilakukan. 2. Longkang di lokasi ini tersumbat dengan pasir menyebabkan air longkang tinggi.
C		1. Tiada bukaan bagi penutup longkang di lokasi ini. Pihak ada bukaan di antara premis tetapi ruang terlalu kecil untuk pembersihan dilakukan. 2. Gambar menunjukkan pasir menyalang air daripada mengalir dan kelihatan akar pokok (gondor) telah berada di dalam longkang. Hal ini berkeselamatan cinding longkang telah pecah.

Masalah berkaitan longkang yang menyebabkan berlaku kejadian banjir.

Longkang tersumbat punca banjir

MERUJUK kepada aduan yang disiarkan akhbar *The Star* bertajuk 'Poor drainage cause of floods at business premises' di Jalan TPP 5/13, Taman Perindustrian Puchong, Selangor pada 6 Mei 2017.

Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah menjalankan siasatan berhubung aduan yang dikemukakan dan mendapati air longkang tidak mengalir serta menunjukkan tanda tersumbat.

Sehubungan itu, MPSJ telah menjalankan kerja-kerja

pembersihan selama tiga hari bermula 25 hingga 27 Mei 2017.

Walau bagaimanapun, ingin dimaklumkan bahawa MPSJ mengalami kesukaran untuk menjalankan kerja-kerja pembersihan di lokasi aduan kerana:

✓ Terdapat longkang yang tiada bukaan longkang menyebabkan kesukaran dalam kerja-kerja pembersihan. Sebilangan premis kilang telah menyimen keseluruhan longkang hadapan premis mereka.

✓ Terdapat juga premis yang mempunyai penutup longkang yang boleh dibuka tetapi bukaan terlalu kecil dan ini menyukarkan kerja pembersihan.



Keratan akhbar *The Star* bertarikh 6 Mei 2017.

**ALBUM
BULETIN
BANDAR**



Bank Simpanan Nasional
Cawangan Johor Bahru, Johor.



Pejabat Kesihatan Batu Pahat, Johor.




Terminal Bas Shahab Perdana, Alor Setar, Kedah.



Program turun padang Tan Sri Noh Omar
di DUN Gombak Setia, Selangor.



Ulu Pauh, Perlis.



OPS RAYA

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PERSEDIAAN DISETIAP LOKASI :

- 1 UNIT JENTERA FRT/LFRT BERSAMA 7 ORANG PEGAWAI
- 1 UNIT JENTERA EMRS BERSAMA 3 ORANG PEGAWAI

14 LOKASI **PLUS**
LEBUH RAYA UTARA-SELATAN (PLUS)

5 LOKASI **LPT**
LEBUH RAYA PANTAI TIMUR (LPT)

@bombaJBPM
@kpkt_gov

bomba_malaysia
kpkt

Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia
KPKT Malaysia

www.bomba.gov.my
www.kpkt.gov.my

TABUNG PENYELENGGARAAN 1 MALAYSIA (TP1M)

SEBUAH PROGRAM MEMBAIKPULIH RUMAH BERSTRATA
KOS RENDAH ATAU SEDERHANA SWASTA



TUJUAN

- Menyediakan persekitaran kediaman yang selesa dan berkualiti kepada penghuni perumahan berstrata
- Membantu pihak badan pengurusan bersama (JMB) atau perbadanan pengurusan (MC) menyediakan peruntukan untuk membaik pulih dan menyenggara perumahan berstrata

BAGI SEPANJANG TAHUN 2016

SEBANYAK **70 PROJEK**
BERNILAI

30 JUTA
TELAH
DISELESAIKAN



Gerakan pantas Rufino beri kelebihan

Jentera serangan
The Red Giants
lebih
berbisa

Rufino mempunyai reputasi sebagai penyerang yang pantas dan mempunyai gerakan penyudah yang tajam.

LARIAN yang pantas dan ketajaman gerakan penyudah di hadapan gol merupakan antara faktor yang menarik minat Selangor untuk melamar pemain kelahiran Sepanyol, Rufino Segovia del Burgo.

Penyerang berusia 32 tahun itu merupakan koleksi terbaharu pemain import The Red Giants bagi memantapkan lagi pasukan dalam meneruskan saingan Liga Super dan Piala Malaysia musim ini.

Jurulatih Selangor, P. Maniam berkata, Rufino menunjukkan prestasi membarangsangkan sejak menyertai sesi latihan minggu lalu.

"Sepanjang sesi latihan, saya lihat Rufino serasi dengan rakan-rakan sepasukan yang lain.

"Saya optimis gandingan Rufino dengan Francis Forkey Doe dan Amri Yahyah akan menggugat benteng pertahanan pasukan lawan," katanya.

Penyertaan Rufino itu sekali gus melengkapkan kuota empat pemain import skuad The Red Giants selepas Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) tidak melanjutkan kontrak pemain dari Timor Leste, Juliano Mineiro yang berakhir bulan ini.

Rufino merupakan pemain ketiga yang didaftarkan oleh Selangor dalam tempoh jendela perpindahan kedua musim ini selain Andik Vermansyah dan Amri.

Dia yang berasal dari Madrid pernah beraksi bersama Rayo Vallecano dalam saingan La Liga Sepanyol sebelum berhijrah ke beberapa kelab lain di Eropah termasuk Honved di Hungary dan Poli Timisoara di Romania.

Kelab terakhir beliau adalah Kitchee di Hong Kong di mana beliau beraksi selama dua musim sejak Januari 2016.

Maniam menambah, pada masa ini, Rufino dan rakan-rakan sepasukan sedang menjalani latihan mengikut formasi 4-2-3-1 bagi menggantikan sistem permainan 3-4-3 yang digunakan sejak Liga Super bermula musim ini.

Katanya, formasi baharu tersebut secara taktikalnya berupaya membentuk keserasian antara para pemain dalam misi menggempur kubu lawan.

"Apabila saingan Liga Super bermula, kita berharap segalanya berjalan seperti dirancang dan saya percaya, formasi baharu ini mampu mencipta lebih banyak peluang gol," katanya.



KEDUDUKAN LIGA SUPER 2017

PASUKAN	P	M	S	K	J	K	MATA
JDT	13	9	3	1	29	11	30
Pahang	13	7	3	3	31	17	24
Kedah	13	6	6	1	27	18	24
Perak	13	4	6	3	18	22	18
SELANGOR	13	4	5	4	17	16	17
Felda	13	4	5	4	16	15	17
T-Team	13	5	4	4	19	21	16
Kelantan	13	6	2	5	26	21	14
PKNS	13	2	5	6	22	26	11
Sarawak	13	2	5	6	12	18	11
Melaka	13	2	5	6	13	28	11
P. Pinang	13	1	3	9	10	27	6

Setakat 18 Jun 2017

Misbun kembali melatih skuad badminton negara

LEGENDA badminton negara, Datuk Misbun Sidek akan kembali menyertai Persatuan Badminton Malaysia (BAM) selaku ketua jurulatih perseorangan negara bermula bulan depan.

Presiden BAM, Datuk Seri Mohamad Norza Zakaria berkata, secara dasarnya, Misbun sudah bersetuju secara lisan dan pihaknya akan menyediakan kontrak yang lebih terperinci.

"Berdasarkan kepada perbincangan saya dengannya, beliau akan dipertanggungjawabkan untuk menjaga keseluruhan bahagian perseorangan lelaki.

"Misbun dijangka memulakan tugas secara rasmi selepas Hari Raya Aidilfitri," katanya selepas menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Kejurulatihan Latihan di Akademi Badminton Malaysia, Bukit Kiara, baru-baru ini.

Misbun merupakan individu yang bertanggungjawab menjadikan Datuk Lee Chong Wei sebagai jaguh dunia dan penyumbang pingat perak pertama negara pada Sukan Olimpik Beijing 2008.

Beliau meninggalkan BAM pada 2011 selepas sembilan tahun berkhidmat bersama badan induk itu.

Sementara itu, Misbun mengakui kepulangannya ke pangkuan BAM selaku ketua jurulatih perseorangan negara adalah disebabkan oleh Chong Wei.

"Memang saya akui Chong Wei adalah sebab utama saya kembali menyertai BAM, banyak kali beliau datang bertemu saya dan beliau benar-benar berharap kepada saya.

"Jadi, saya terima permintaannya kerana beliau sudah macam anak saya, saya nampak kesungguhannya dan atas sebab itu saya terima," katanya.



Datuk Misbun Sidek memberi kata-kata perangsang kepada Datuk Lee Chong Wei dan Datin Wong Mei Choo selepas sesi latihan bagi menghadapi Sukan Olimpik Beijing 2008.

Tan Sri Noh Omar dan Datuk Megat Zulkarnain Oмарdin meluangkan masa mendengar pandangan penduduk Rumah Pangsa Pinggiran Batu Caves.



Baiki lif Rumah Pangsa Laksamana Jaya

Cat semula Rumah Pangsa Pinggiran Batu Caves

KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan menyalurkan peruntukan sebanyak RM4 juta bagi mengecat semula Rumah Pangsa Pinggiran Batu Caves, Selangor.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, peruntukan tersebut akan disalurkan untuk mengecat 28 blok rumah pangsa di kawasan tersebut.

"Saya mendapat maklumat bahawa rumah pangsa ini tidak pernah dicat semula sejak 26 tahun lalu dan saya bersetuju memberi kelulusan bagi mengecat semula blok rumah pangsa ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat Rumah Pangsa Pinggiran Batu Caves dan Rumah Pangsa Laksamana Jaya di Gombak baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ketua UMNO Bahagian Gombak, Abdul Rahim Kamarudin dan Penyelaras Barisan Nasional (BN) Dewan Undangan Negeri (DUN) Gombak Setia, Datuk Megat Zulkarnain Oмарdin.

Program turun padang tersebut bertujuan untuk melihat masalah yang dihadapi penduduk bandar di kawasan rumah pangsa kos rendah dan sederhana di sekitar Selangor.

Noh turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM1.5 juta bagi membina tiga gelanggang futsal di Rumah Pangsa Pinggiran Batu Caves.

Sementara itu, Noh meluluskan peruntukan sebanyak RM500,000 untuk membaiki pulih lif di Rumah Pangsa Laksamana Jaya.

"Kemudahan lif yang tidak terurus merupakan salah satu masalah yang sering dihadapi oleh para penduduk rumah pangsa di kawasan bandar dan saya akan memberikan bantuan bagi membantu menyelesaikan masalah rakyat ini," katanya.

Dalam pada itu, Noh menegaskan, pelbagai program bantuan yang disalurkan KPKT tidak sewajarnya dikaitkan dengan agenda bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

"Apabila saya menjadi Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, salah satu agenda utama saya adalah untuk membantu menangani masalah kemiskinan bandar dan menjalankan kewajiban untuk menyelesaikan masalah penduduk bandar," jelasnya.



Tan Sri Noh Omar melihat lif yang rosak di Rumah Pangsa Laksamana Jaya, Selangor semasa beliau turun padang di kawasan sekitar Parlimen Gombak baru-baru ini.



Rumah Pangsa Pinggiran Batu Caves tidak pernah dicat semula sejak 26 tahun lalu menyebabkan ia kelihatan usang.

Penduduk hargai keprihatinan KPKT

PENDUDUK Rumah Pangsa Pinggiran Batu Caves, Selangor menghargai keprihatinan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diketuai Menterinya, Tan Sri Noh Omar dalam menjaga kesejahteraan penduduk di kawasan tersebut.

Pengerusi Persatuan Penduduk Pinggiran Batu Caves Fasa 2, Che Hamid Che Jusoh berkata, pihaknya mengucapkan terima kasih kepada Noh yang sudi melawat mereka.

"Terima kasih banyak kepada Tan Sri Noh Omar dengan dana yang diumumkan beliau untuk mengindahkan semula kawasan ini."

"Sejak Rumah Pangsa Pinggiran Batu Caves dibina, ia tidak pernah dicat atau diberi perhatian sewajarnya oleh mana-mana pihak," katanya.

Sementara itu, seorang penduduk, Salmah Awang, 54, berkata, kunjungan Noh telah membawa keceriaan kepada penduduk Rumah Pangsa Pinggiran Batu Caves.

"Belum pernah seorang menteri datang melawat di sini dan kunjungan Tan Sri Noh Omar amat menggembirakan kami," jelasnya. Dia juga terharu dengan keprihatinan Noh dan KPKT terhadap aspek kesejahteraan penduduk di kawasan perumahan berkenaan.



"Terima kasih banyak kepada Tan Sri Noh Omar dengan dana yang diumumkan beliau untuk mengindahkan semula kawasan ini."

Che Hamid Che Jusoh



Salmah Awang



**Beza PPW
berlesen dan
'ah long'** muka 10



**Longkang
tersumbat
punca banjir**
muka 12



**Gerakan pantas
Rufino beri
kelebihan** muka 14



**AZAM Beyond tingkatkan
pendapatan peniaga** muka 11

Buletin



NEGARAKU

Bandar

12 - 18 JUN 2017 • 17 - 23 RAMADAN 1438



KPKT bantu penduduk Batu Caves

"APABILA saya menjadi Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, salah satu agenda utama saya adalah untuk membantu menangani masalah kemiskinan bandar dan menjalankan kewajiban untuk menyelesaikan masalah penduduk bandar."

TAN SRI NOH OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

muka 15

**Lulus
peruntukan
RM6 juta**